

UMSKAL, RTM anjur Pesta Tamu Gadang

BH 17.11.15 5

Labuan: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan RTM Labuan bergabung tenaga menjayakan Pesta Tamu Gadang UMSKAL Kali Ke-17 yang berakhir malam kelmarin.

Majlis penutupan pesta berkenaan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli di Pentas Utama UMSKAL.

Dalam ucapannya, Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan, berkata kerjasama UMSKAL dan RTM Labuan berjaya membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) menarik lebih ramai pelancong ke pulau bebas cukai ini.

Katanya, kehadiran peserta dari Sabah, Sarawak, Brunei dan Semenanjung selain wakil tempatan membantu menjana ekonomi dan merancakkan lagi industri pelancongan.

Malah, katanya, Pesta Tamu Gadang UMSKAL diangkat antara acara berprestij dalam kalendar pelancongan Labuan, sekali gus membuktikan komitmen jabatan dan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta penaja dalam memastikan program tahunan itu berjalan lancar.

“Kerjasama padu UMSKAL dan RTM Labuan berjaya menarik ramai peserta ke Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015. Saya yakin program tahunan ini mampu menjana ekonomi dan industri pelancongan Labuan, selain memperkenalkan UMSKAL ke persada nasional,” katanya.